

PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN KEJOHANAN OLAHRAGA  
SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU  
TAHUN 2025

1 UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini keseluruhannya dijalankan mengikut undang-undang Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) dan Peraturan-Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia kecuali :

1.1 Beberapa acara yang alat-alat lontaran dan lompatan diubahsuai mengikut kelas-kelas yang berkenaan.

1.2 Beberapa peraturan pertandingan yang diubahsuai mengikut keperluan dan kesesuaian kejohanan ini.

2 ACARA-ACARA DAN ALAT-ALAT LONTARAN

2.1 Acara-acara serta ukuran dan timbangan alat-alat pertandingan adalah seperti berikut :

| ACARA      | LELAKI           |                  | PEREMPUAN        |                  |
|------------|------------------|------------------|------------------|------------------|
| KELAS      | 1L               | 2L               | 1P               | 2P               |
| UMUR       | 18TKB            | 15TKB            | 18TKB            | 15TKB            |
| 100M       | X                | X                | X                | X                |
| 200M       | X                | X                | X                | X                |
| 400M       | X                | X                | X                | X                |
| 800M       | X                | X                | X                | X                |
| 1500M      | X                | X                | X                | X                |
| 4X100M     | X                | X                | X                | X                |
| 4X400M     | X                | X                | X                | X                |
| L.TINGGI   | X<br>MULA 1.40M  | X<br>MULA 1.25M  | X<br>MULA 1.10M  | X<br>MULA 1.10M  |
| L. JAUH    | X                | X                | X                | X                |
| L.PELURU   | X<br>5.00KG      | X<br>4.0KG       | X<br>3.0KG       | X<br>3.0KG       |
| L.CAKERA   | X<br>1.5KG       | X<br>1.0KG       | X<br>1.0KG       | X<br>1.0KG       |
| L. KIJANG  | X<br>JARAK<br>9M | X<br>JARAK<br>7M | X<br>JARAK<br>5M | X<br>JARAK<br>5M |
| 3000 METER |                  |                  | X                |                  |
| 5000 METER | X                |                  |                  |                  |
| M.LEMBING  | X<br>700G        | X<br>600G        | X<br>500G        | X<br>500G        |
| JUMLAH     | 15               | 15               | 15               | 15               |

## 3 PENYERTAAN

- 3.1 Kejohanan ini hanya boleh disertai oleh pelajar-pelajar yang sedang bersekolah di Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu.
- 3.2 Seorang peserta hanya dibenarkan mengambil bahagian tidak lebih dari TIGA (3) ACARA PERSEORANGAN dan DUA (2) ACARA BERPASUKAN (lari berganti-ganti).
- 3.3 Bilangan peserta yang boleh didaftarkan :

| Acara                        | Bilangan Maksimum | Kelas       |
|------------------------------|-------------------|-------------|
| 100M                         | 2 ORANG           | 1L/2L/1P/2P |
| 200M                         | 2 ORANG           | 1L/2L/1P/2P |
| 400M                         | 2 ORANG           | 1L/2L/1P/2P |
| 800M                         | 2 ORANG           | 1L/2L/1P/2P |
| 1500M                        | 2 ORANG           | 1L/2L/1P/2P |
| 4X100M (lari berganti-ganti) | 1 PASUKAN         | 1L/2L/1P/2P |
| 4X400M (lari berganti-ganti) | 1 PASUKAN         | 1L/2L/1P/2P |
| 3000M                        | 2 ORANG           | (terbuka)   |
| 5000M                        | 2 ORANG           | (terbuka)   |
| L.TINGGI                     | 2 ORANG           | 1L/2L/1P/2P |
| L. JAUH                      | 2 ORANG           | 1L/2L/1P/2P |
| L.PELURU                     | 2 ORANG           | 1L/2L/1P/2P |
| L.CAKERA                     | 2 ORANG           | 1L/2L/1P/2P |
| M.LEMBING                    | 2 ORANG           | 1L/2L/1P/2P |

## 4 PENDAFTARAN PESERTA

- 4.1 Pendaftaran peserta hendaklah dihantar **SEBELUM / PADA 23/4/2025** (RABU) dengan menggunakan link sistem olahraga yang disediakan. Semua butiran yang diperlukan hendaklah diisi selengkapnya. Borang yang telah lengkap diisi dan disahkan oleh Ketua Guru Rumah hendaklah dicetak dan diserahkan kepada : PENOLONG SETIAUSAHA KEJOHANAN OLAHRAGA TAHUN 2025  
SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU  
(UP : NORHASHIMAH BT AZMI)
- 4.2 Pendaftaran lewat dari tarikh di atas tidak diterima.
- 4.3 Semua peserta dibenarkan mengambil bahagian dalam kelas masing-masing sahaja.
- 4.4 Semua pasukan tidak dibenarkan menukar peserta-peserta yang telah didaftarkan.

- 5.5 Semua peserta yang akan mengambil bahagian di dalam kejohanan ini dinasihatkan supaya merujuk TENTATIF ACARA OLAHRAGA 2025 bagi keselesaan penyertaan dan mengelakkan pertembungan kepentingan acara yang diambil.
- 5.6 Undian lorong akan dijalankan dua hari sebelum pertandingan. Sebarang pembetulan/pindaan kepada kemasukan peserta boleh dibuat sebelum undian lorong dijalankan. Selepas itu, pembetulan/pindaan tidak akan dibenarkan.

## 6 PENARIKAN DIRI SEMASA KEJOHANAN DIJALANKAN

- 6.1 Maklumat tentang penarikan diri semasa kejohanan dijalankan hendaklah disampaikan kepada SETIAUSAHA KEJOHANAN oleh Ketua Guru Rumah atau Pengurus Pasukan sendiri sekurang-kurangnya 1 jam sebelum sesuatu acara dijalankan seperti yang tercatat dalam susunan acara.
- 6.2 Gantian kepada peserta yang telah disahkan bertanding tidak akan dibenarkan bagi acara perseorangan selepas undian lorong dibuat.
- 6.3 Seseorang peserta yang menarik diri dari mana-mana acara tanpa pengakuan dari Pegawai Perubatan atau kebenaran bertulis dari Setiausaha Kejohanan adalah dianggap menarik diri dari kejohanan. Oleh itu, peserta tersebut tidak dibenarkan menyertai lagi acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 6.4 Seseorang peserta yang menarik diri dari mana-mana acaranya atas nasihat Pegawai Perubatan atau kebenaran bertulis dari Setiausaha Kejohanan hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam acara-acara yang didaftarkan atas namanya dengan syarat dikemukakan pengesahan daripada Pegawai Perubatan atau Setiausaha Kejohanan.
- 6.5 Peserta yang tidak cedera dan layak memasuki peringkat akhir tidak dibenarkan menarik diri. Sekiranya berbuat demikian, penyertaan dalam acara-acara selanjutnya akan dibatalkan dan keputusan adalah muktamad. Tidak ada gantian bagi peserta-peserta yang telah menarik diri/dianggap menarik diri.

## 7 PENGGANTIAN DALAM ACARA LARI BERGANTI-GANTI

- 7.1 Pengganti bagi acara lari berganti-ganti dihadkan kepada dua (2) orang peserta yang didaftarkan dalam borang penyertaan rasmi.
- 7.2 Komposisi pasukan dan giliran ahli-ahli pasukan untuk acara ini mestilah dinyatakan secara rasmi, sebelum dimulakan pertandingan.

- 7.3 Hanya peserta-peserta yang didaftarkan untuk acara ini atau lain-lain acara sahaja yang dibenarkan membuat pertukaran gantian sekiranya perlu. Peserta lain yang tidak didaftarkan, tidak dibenarkan membuat pertukaran/gantian.

## 8 PERALATAN ACARA

- 8.1 Semua peralatan yang didaftarkan akan dipertandingkan. Jika terdapat empat (4) peserta untuk acara individu dan dua (2) pasukan untuk acara berpasukan yang tidak melaporkan diri atau berdaftar untuk sesuatu acara pertandingan, maka acara tersebut akan dibatalkan dan tidak akan dipertandingkan.

## 9 MELAPORKAN DIRI

- 9.1 Semua peserta hendaklah melaporkan diri kepada Pengelola Peserta sekurang-kurangnya 15 minit sebelum sesuatu acara yang disertai bermula. Peserta hendaklah bersedia dengan nombor yang telah ditetapkan dan nombor tersebut hendaklah disematkan dengan pin pada baju di tiap-tiap sudut nombor itu.
- 9.2 Mana-mana peserta yang tidak memakai dua (2) keping nombor (di dada dan belakang) yang telah dikhaskan untuknya, tidak dibenarkan mengambil bahagian. Bagi acara lompat tinggi, dibolehkan memakai satu nombor sama ada di bahagian dada atau di belakang badan.
- 9.3 Pengumuman tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara yang dijalankan akan dibuat dua (2) kali sahaja.

## 10 PERALATAN DAN PAKAIAN PESERTA

- 10.1 Seperti undang-undang KOAM/MSSM
- 10.2 Spesifikasi peralatan yang digunakan adalah seperti dalam peraturan 2.1
- 10.3 Panjang paku kasut (spikes) dibenarkan tidak melebihi 6 mm kecuali untuk acara lompat tinggi dan rejam lembing, tidak melebihi 9 mm.
- 10.4 Peserta-peserta hendaklah berpakaian yang sesuai dan kemas sewaktu mengambil bahagian dan menerima hadiah.
- 10.5 Pakaian hendaklah tidak jarang walaupun basah.

11 KELAYAKAN MASUK KE PERTANDINGAN AKHIR

- 11.1 Bagi acara-acara yang mempunyai dua saringan :  
Peserta pertama, kedua layak secara automatik , seterusnya masa terbaik.
- 11.2 Acara 100M, 200M, 400M MESTI dijalankan saringan.
- 11.3 Semua acara padang akan dipertandingkan terus ke peringkat akhir.

12 LARI BERGANTI-GANTI

- 12.1 Selepas memberi baton (change over) peserta hendaklah berada dalam lorong masing-masing sehingga pertukaran baton di tempatnya selesai supaya tidak mengganggu peserta lain.
- 12.2 Semua peserta dilarang sama sekali membaling atau melambung baton selepas tamat sesuatu pertandingan.

13 PACING DAN BERSORAK DARI DALAM GELANGGANG

- 13.1 Semua peserta dan pegawai pasukan atau sesiapa sahaja tidak dibenarkan lari bersaing (pacing) dengan mana-mana peserta yang sedang berlari. Begitu juga bersorak dari dalam gelanggang. Jika ini berlaku peserta tersebut akan dibatalkan.

14 BANTAHAN

- 14.1 Peraturan-peraturan yang berkaitan dengan bantahan seperti yang ditetapkan dalam peraturan KOAM 1147 akan dipatuhi kecuali perkara-perkara berikut :
  - 14.1.1 Jika masalah bantahan mengenai kelayakan (status) seseorang peserta tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan dimulakan, perkara tersebut akan dikemukakan kepada Juri Rayuan.
  - 14.1.2 Sebarang keputusan adalah muktamad walaupun terpaksa meminda sesuatu keputusan pertandingan.
  - 14.1.3 Bantahan mengenai sesuatu acara yang dipertandingkan hendaklah dibuat serta-merta dan tidak lewat daripada 30 minit selepas keputusan rasmi diumumkan.
  - 14.1.4 Semua bantahan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Juri Rayuan bersama-sama wang pertaruhan sebanyak RM 500.00. Wang akan dikembalikan jika bantahan berjaya.

15 PENENTUAN JOHAN

15.1 JOHAN BERPASUKAN

15.1.1 Bawah B15 tahun Lelaki

15.1.2 Bawah B15 tahun Perempuan

15.1.3 Bawah B18 tahun Lelaki

15.1.4 Bawah B18 tahun Perempuan

15.2 Johan berpasukan ditentukan berdasarkan kepada JUMLAH PINGAT EMAS yang dipungut oleh peserta lelaki atau perempuan dalam tiap-tiap kategori/kelas.

15.3 Jika ada dua (2) atau lebih pasukan yang mendapat jumlah pingat emas yang sama perkiraan berikut akan digunakan :

- i. Jumlah pingat perak yang terbanyak
- ii. Jumlah pingat gangsa yang terbanyak

15.4 ATLET TERBAIK

15.4.1 Atlet terbaik kelas 2 lelaki

15.4.2 Atlet terbaik kelas 2 perempuan

15.4.3 Atlet terbaik kelas 1 lelaki

15.4.4 Atlet terbaik kelas 1 perempuan

15.5 Hadiah peserta terbaik akan diberi kepada peserta-peserta lelaki dan perempuan berdasarkan kepada bilangan REKOD yang dipecahkan. Sekiranya berlaku seri, peserta yang memecah rekod paling lama diambil kira.

15.6 OLAHRAGAWAN DAN OLAHRAGAWATI

15.6.1 Dipilih dikalangan pemenang Atlet Terbaik kelas 1, 2 lelaki/perempuan.

15.6.2 Jika kedudukan seri, rujuk kepada usia rekod, bilangan pingat emas atau perak atau gangsa.

15.7 JOHAN KESELURUHAN RUMAH SUKAN

Johan keseluruhan akan ditentukan berdasarkan kepada JUMLAH PINGAT EMAS yang diperolehi oleh peserta Kelas 1, 2 dan 3 (lelaki/perempuan) dari tiap-tiap kategori umur.

16 HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 16.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut masa dan tarikh yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengurus Kejohanan dan Setiausaha Kejohanan berhak membuat sebarang pindaan. Pengurus-pengurus Pasukan akan dimaklumkan kemudian.
- 16.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam peraturan-peraturan ini, Peraturan Am MSSM atau Undang-Undang KOAM.
- 16.3 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggung jawab di atas sebarang kecederaan/kemalangan yang berlaku semasa pertandingan dijalankan walaupun beberapa kemudahan disediakan untuk mengelakkannya.

17 PERKARA-PERKARA AM

- 17.1 Selain daripada pegawai yang bertugas dan peserta yang mengambil bahagian, tidak sesiapa pun dibenarkan masuk ke dalam arena pertandingan.
- 17.2 Peserta-peserta yang tidak menepati mana-mana peraturan pertandingan, tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan ini.
- 17.3 Selain dari pegawai bertugas, tidak sesiapa pun dibenarkan memberi arahan mengenai pertandingan ini atau melibatkan diri dalam perjalanan pertandingan/kejohanan ini.